

Soal berbilang isteri dalam Islam

(7)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang ((digantung tidak bertali)), masalah beristeri lebih dari satu atau ((poligami)), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya “*bayt al-tā’ah wa ta’dud al-zaujāti, wa al-talāq fi al-Islām*” Huraian yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lau, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan mulai siaran yang ke 4 dan seterusnya, pengarangnya; menghuraikan pula masalah yang kedua -soal berbilang isteri dalam Islam.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Menolak pendapat yang mengatakan al-Qur’ān

fa inkihū mā tāba lakum min an-nisā’ mathnā wa thulātha wa rubā’a

mengikat peraturan berbilang-bilang isteri: kerana darurat

fa in khiftum allā ta’dilū fa wāhidatan aw mā malakat aymānukum”

Setengah daripada orang-orang yang memperkatakan soal ini

Ertinya: “Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak

berpendapat bahawa al-Qur’ān bukan sahaja mengikat perbuatan

akan sanggup berlaku adil dalam (perkahwinan dengan)

berbilang-bilang isteri dengan keadilan semata-mata, tetapi juga

anak-anak yatim, maka kahwinlah beberapa perempuan yang kamu

mengikatnya dengan wujudnya darurat. Dengan kata-kata yang lain,

sukai: dua, tiga, dan empat, tetapi jika kamu

ia memandang bahawa al-Qur’ān mengharuskan berbilang isteri

takut bahawa kamu tidak akan sanggup berlaku adil

dengan dua syarat bukan satu syarat: yang pertama

juga, maka hendaklah kamu berpada dengan seorang

bersungguh-sungguh mengambil berat tentang adanya keadilan atau

isteri sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang

ketiadaan takut daripada berlaku zalim, dan kedua hendaklah

kamu miliki.”

ada sesuatu darurat yang menghendakinya.

Ia mentafsirkan ayat ini, bahawa Allah Ta’ālā telah

Orang yang berpendapat demikian beralasan kepada tafsir

melarang wali-wali yang memelihara anak-anak yatim - lelaki dan

firman Allah Ta’ālā: “*wa in khiftum allā tuqsiṭū fi al-yatāmā*

perempuan – supaya jangan berlaku aniaya terhadap

harta-harta anak-anak yatim itu, dan jangan mencampurkan harta mereka dengan harta-harta anak yatim yang tersebut, dan jangan menukarkan harta anak yatim yang elok dengan yang buruk, dan telah mengharamkan dengan perintah-perintah yang tegas supaya jangan mereka menyentuh (mengambil) sesuatu pun daripada harta anak-anak yatim itu. Tentang ini, Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* berfirman:

“*wa 'ātū al-yatāmā amwāluhum wa lā tatabaddalū al-khabītha bi al-aṭṭayyibi wa lā ta'kulū amwālakum. Innahū kāna hūban kabīrā.*” (surah an-Nisā', 2)

Ertinya: “Dan berilah anak-anak yatim itu harta-harta mereka, dan janganlah kamu menukarkan yang menukarkan yang buruk dengan yang baik, dan janganlah kamu makan akan harta-harta mereka kepada harta-harta kamu, sesungguhnya yang demikian itu ialah dosa yang besar.”

“*Inna al-ladhīna ya'kulūna amwāla al-yatāmā zulman inna mā ya'kulūna fī buṭūnihim nāran wa sayaṣlawna sa'īrā.*”

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim itu, hanya sanya mereka memakan api di dalam perut mereka, dan mereka akan dimasukkan ke dalam neraka yang menjulang.”

Yang demikian ialah kerana orang-orang arab dalam zaman jahiliah, biasanya mencerobohi harta-harta anak yatim, mereka tidak memberikan kepada anak-anak yatim akan harta-harta yang diwarisinya. Mereka juga, biasanya menyekat anak yatim perempuan daripada berkahwin kerana hendak membolot hartanya, dan apabila mereka berkahwin dengan anak yatim perempuan, mereka berlaku aniaya kepada hartanya dan hak-haknya di dalam mas kahwin dan lain-lainnya. Mereka juga biasanya menukarkan harta anak-anak yatim yang elok dengan harta

mereka yang buruk, dan mencampur baurkan harta mereka dengan harta anak-anak yatim. Maka dengan sebab itu turunlah ayat-ayat suci ini mengharamkan perbuatan mereka yang tersebut.

Setelah ayat-ayat ini turun, orang-orang Islam mulai berasa sukar dan serba salah hendak menyentuh harta anak-anak yatim atau mencampur baurkan harta mereka dengan harta anak-anak yatim, atau menukarkan sesuatu daripadanya dengan yang lain. Keadaan serba sukar dan serba salah ini menjadikan mereka menjauhkan diri daripada segala perkara yang menyentuh harta anak yatim. Maka Allah *Subhānahu wa Taālā* pun meringankan kesukaran mereka yang tersebut, dan mengharuskan untuk mereka supaya mencampurkan harta mereka dengan harta anak-anak yatim itu, dan selagi mereka tidak bertujuan hendak menganiaya anak-anak yatim yang tersebut. Tentang ni, Allah Ta'ālā berfirman:

“*wa yas'alūna ka 'an al-yatāmā qul iṣlāḥun lahum khayrun, wa in tukhālītūhum fa ikhwānukum, wallāhu ya'lamu al-muṣṣida min al-muṣliḥi wa lau shā'a Allāhu la a'natakum, inna Allāha 'azīzun ḥakīm.*” (surah al-Baqarah, 220)

Ertinya: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak-anak yatim, katakanlah: memperbaiki keadaan mereka amatlah baiknya, dan jika kamu bergaul dengan mereka (menguruskan hal mereka) maka mereka itu ialah saudara-saudara kamu. Dan Allah mengetahui orang yang berbuat jahat daripada orang yang berbuat baik, dan jika Allah menghendaki, nescaya diberatinya kamu (diwajibkannya kamu menguruskan perkara-perkara mereka), sesungguhnya Allah Maha Gagah lagi amat Bijaksana.”

Kemudahan yang telah diizinkan Allah telah meringankan sedikit akan kesukaran itu. Tetapi telah timbul

pula kesukaran dari segi yang lain. Yang demikian itu ialah bahawa ayat-ayat yang mengandungi perintah mengharamkan lelaki memandang kepada perempuan yang bukan mahramnya (yang halal bernikah dengannya), dan yang mewajibkan supaya menundukkan pandangannya daripada memandang perempuan-perempuan yang tersebut, serta pengajaran-pengajaran Islam dalam perkara ini, semuanya menjadikan wali-wali yang memelihara anak-anak yatim perempuan berasa sukar dan serba salah untuk bercampur gaul dengan anak-anak yatim perempuan atau dengan ibu-ibu mereka, kerana takut tercebur di dalam perkara yang telah dilarang oleh Allah. Dengan itu mereka telah berada dalam keadaan sukar yang lain pula. Perkara itu ialah ketiadaan bercampur gaul dengan anak-anak yatim perempuan menjadikan mereka tidak dapat mengetahui hal ehwal anak-anak yatim itu dengan sempurna, dan tidak dapat mengetahui akan hajat-hajat mereka yang sebenarnya. Sedang keadaan yang demikian membawa kepada ketiadaan adil terhadap mereka (anak-anak yatim), yakni ketiadaan adil dalam menguruskan perkara-perkara mereka, kerana seseorang wali tidak dapat berlaku adil terhadap anak yatim perempuan yang ada dalam pemeliharaannya melainkan apabila ia mengetahui hal ehwalnya dengan jelas, dan faham akan hakikat hajat yang dikehendakinya.

Sebagaimana Allah Ta'ālā menyediakan satu jalan keluar bagi kesukaran yang pertama, disediakan-Nya juga jalan keluar bagi kesukaran ini pula, lalu ia memerintahkan wali-wali yang memelihara akan anak-anak yatim perempuan: Jika kamu takut bahawa kamu tidak akan dapat berlaku adil kepada anak-anak yatim perempuan, kerana kesukaran kamu bercampur gaul dengan mereka, bolehlah kamu berkahwin dengan mereka dan menambahi bilangan isteri-isteri yang sedia ada (asalkan kesemuanya jangan lebih daripada empat orang – P.), kerana jalan ini dapat mengeluarkan kamu daripada kesukaran

itu, dan membiasakan kamu daripada keadaan rumit yang sedang dihadapi. Berkahwin dengan mereka dan menambahi bilangan isteri-isteri kamu dengan mereka, akan menjadikan kamu berpeluang bercampur gaul dengan secara halal dalam bentuk secara Islam. Selain daripada, kamu akan berpeluang mengetahui akan hal ehwal mereka, dan dengan itu kamu akan dapat berlaku adil dalam masa menguruskan hal ehwal dan harta benda mereka perkataan ((*al-nisā'*)) (perempuan-perempuan) yang tersebut di dalam firman Allah Ta'ālā: "*fa inkihū mā tāba lakum min an-nisā'*" (Ertinya: Maka berkahwin kamu akan beberapa perempuan yang kamu sukai) adalah maksudnya – menurut tafsir orang itu – ialah "*al-yatīmāt'*" (anak-anak yatim perempuan). Yakni: Berkahwinlah kamu beberapa orang yang kamu sukai daripada anak-anak yatim perempuan yang tersebut, dan menjadilah firman Allah Ta'ālā: "*mathnā wa thulātha wa rubā'a*" (dua dan tiga dan empat) ialah bolehlah orang-orang yang menjadi wali (penguasa) menambah seorang anak yatim perempuan kepada isterinya yang ada maka dengan itu ia akan mempunyai dua orang isteri, atau dua anak yatim perempuan lalu menjadikan isteri-isterinya berjumlah tiga orang, atau tiga anak yatim perempuan dan dengan itu menjadikan isteri-isternya berjumlah empat orang.

Orang yang berpendapat demikian, berpindah pula kepada satu perkara yang lain, lalu menetapkan bahawa ayat itu telah mengharuskan perbuatan berbilang-bilang isteri dalam keadaan darurat, iaitu darurat takut akan ketiadaan adil terhadap anak yatim perempuan, dan menyimpang daripada keadilan dalam menguruskan hartanya. Keadaan darurat ini telah menjadi syarat untuk mengharuskan perbuatan berbilang-bilang isteri. Jawab yang terkandung di dalam ayat itu, iaitu berfirman "*fa inkihū*" (maka berkahwinlah kamu)

didasarkan kepada syarat itu dan terikat dengannya. Sedang syarat itu pula ialah firman-Nya: “*wa in khiftum allā tuqsiṭū fi al-yatāmā*” (Ertinya: dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan dapat berlaku adil dalam perkahwinan dengan anak-anak yatim). Jadi, ayat itu, memberi keterangan bahawa perbuatan berbilang-bilang isteri itu tidak harus melainkan kerana darurat yang tersebut. Tetapi dapat juga dikiaskan atasnya darurat-darurat yang bersamaan dengannya, kerana kias itu menjadi salah satu asal daripada usul syariat Islam. Dan ia luas pula untuk dijalankan kepada darurat-darurat yang bersamaan dengna darurat yang tersebut tadi. Dengan hal yang demikian al-Shaykh Muhammad al-Madani mengambil kesimpulan bahawa Islam tidak mengharuskan perbuatan berbilang-bilang isteri melainkan dengan dua syarat, iaitu keadilan dan darurat, baik darurat yang telah ditegaskan oleh ayat itu atau darurat yang lain yang menyamai dan dapat dikiaskan di atasnya.

Kesimpulan jawapan kita terhadap pendapat ini, terkandung dalam empat perkara seperti berikut:

1-Bahawa tafsir ayat ini menurut segi yang disebutkan itu menjadikan susunnya rosak, tidak sesuai dengan cara penuturan bahasa arab yang betul dan seperti nya. Kalaulah tujuannya sebagaimana yang dikenakan oleh orang itu bagi susunan kata-kata hukum di dalam susunan kata-kata yang lain, seperti dikatakan: “*wa in khiftum allā tuqsiṭū fi al-yatāmāt fa inkihū mā tāba lakum min hunna . . .*” (Ertinya: dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan dapat berlaku adil terhadap anak-anak yatim perempuan maka berkahwinlah kamu beberapa orang yang kamu sukai daripada mereka . . .), sedang kalam Allah Maha Suci daripada susunan kata-kata yang tidak

betul itu.

2-Tidak ada sebarang keterangan daripada Nabī *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* atau dari seseorang sahabat dan tābi‘īn -sedang mereka ialah yang lebih mengetahui daripada umat Islam yang lain tentang al-Qur’ān dan cara susunan kata-kata dalam Bahasa Arab – bahawa maksud ayat yang tersebut seperti apa yang difahamkan oleh orang itu. Bahkan yang telah difahamkan oleh mereka daripada ayat itu ialah: Wali-wali yang biasanya berasa sukar dan serba salah untuk beristerikan anak-anak yatim yang mereka pelihara, kerana takut bercampur harta mereka dengan harta anak-anak yatim itu, dan dengan itu akan terangkat sekatan dan halangan yang sekian lama memisahkan mereka dengan anak-anak yatim itu, yang bakal membawa mereka berlaku aniaya dengan tidak disedari, atau dengan disedari, maka Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* pun memerintahkan mereka di dalam ayat ini, bahawa mereka jika berasa takut dalam hal yang demikian, maka hendaklah mereka menjauhi daripada berkahwin dengan anak-anak yatim perempuan, dan hendaklah mereka berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain, kerana perempuan-perempuan yang lain itu banyak, sedang Allah Ta‘ālā telah meluaskan jalan-jalan keluar dalam hal ini, lalu diharuskannya berkahwin dengan dua orang isteri, atau tiga atau pun empat orang. Fahaman ini, ialah yang telah ditegaskan oleh *Um al-Mu‘minīn* Siti ‘Āisyah *raḍiya Allāhu ‘anhā*.

Di dalam Sahih Bukhari dan Muslim dan lain-lainnya, ada disebutkan hadith seperti berikut (maksudnya):

Daripada ‘Urwah bin al-Zubayr, bahawa ia telah bertanya kepada mak saudaranya (dari sebelah ibu), Siti ‘Āisyah, tentang ayat ini. Siti ‘Āisyah pun berkata: “Wahai anak saudaraku! Anak yatim perempuan (yang tersebut di dalam ayat) ini, berada dalam pemeliharaan walinya, yang

menjadi kongsinya di dalam (menguruskan) hartanya, dan berkenan ia kepada hartanya dan keelokan parasnya lalu berkehendak kepada berkahwin dengannya, dengan tidak pula berlaku adil kepadanya dalam ams kahwinnya, iaitu memberikan kepadanya (bayaran mas kahwin itu) sebagaimana yang diberikan oleh orang lain. Dengan sebab itu mereka pun dilarang berkahwin dengan anak-anak yatim itu kecuali mereka berlaku adil, dan meninggikan taraf anak-anak yatim itu setinggi-tinggi bayaran mas kahwin menurut peraturan yang lazim, dan mereka (kaum lelaki Islam) telah diperintahkan berkahwin beberapa perempuan yang lain yang mereka sukai.” ‘Urwah berkata: Āisyah pun berkata lagi: “Setelah itu orang ramai telah meminta fatwa kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* selepas turunnya ayat ini tentang anak-anak yatim perempuan, lalu Allah ‘*Azza wa Jalla* turunkan firman-Nya (yang bermaksud): “dan mereka bertanya kepadamu – Ya Muḥammad – berkenaan dengan perempuan-perempuan,

Bacalah riwayat hidup

Saiyidina

Umar ibn al-Khattāb

(Oleh: Abdullah Basmeh)

4 penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20

Belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

Katakanlah: Allah menyatakan kepada kamu tentang mereka, dan juga tentang apa yang dibacakan kepada kamu di dalam kitab (al-Qur’ān) ini, mengenai anak-anak yatim perempuan yang kamu tidak berikan kepada mereka apa yang diwajibkan untuk mereka, dan kamu suka berkahwin dengan mereka”.

Tidak payah dijelaskan, bahawa ketiadaan adil yang telah disebutkan oleh ayat itu meliputi banyak perkara yang lain, diantaranya ialah perbuatan aniaya terhadap anak yatim perempuan dalam harta benda yang dimilikinya.

3-Bahawa tidak ada sebarang keterangan daripada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* atau sahabat-sahabat dan pengikutnya, yang meletakkan syarat seperti darurat-darurat yang tersebut untuk mengharuskan perbuatan berbilang isteri. Kebanyakan sahabat-sahabat Nabī *raḍiya Allahu ‘anhum* dalam zaman Nabī, masing-masing berbilang-bilang isteri. Nabī sendiri mengharuskan bagi mereka perbuatan berbilang isteri itu, dan Baginda tidak pula meletakkan syarat selain daripada keadilan dalam perkara yang dapat mereka berlaku adil didalamnya. Mereka sendiri tidak pula memberati diri mereka melainkan dengan (keadilan) yang tersebut. Tidak pernah diketahui daripada Nabī atau daripada sahabat bahawa mereka telah mengikat diri dengan jenis darurat yang tersebut. Kita tidak juga mengetahui, bahawa Nabī pernah bertanya kepada orang-orang yang berbilang isteri tentang darurat yang menyebabkan mereka beristeri lebih dari satu. Telah ijmak’ umat Islam dan alim ulamanya dalam zaman-zaman yang menjadi hujah-hujah syarak atas amalan berbilang-bilang isteri itu. Hukum syarak kita, tidak di ambil daripada tafsiran-tafsiran yang dibuat-buat untuk susunan kata-kata al-Qur’ān tetapi diambil daripada tafsir ayat-ayatNya yang mulia dengan tafsir yang betul, yang sesuai dengan cara dan gaya susunan kata-katanya yang petah, dan daripada sabda Rasulullah serta

amal dan ketetapan (pengakuannya) dan juga ijmak‘
umat Islam.

4-Bahawa tafsiran ayat ini menurut segi yang telah diikuti oleh orang itu, mengandungi cara penyelesaian yang tidak betul untuk menyelesaikan kerumitan yang dikatakan bahawa ayat itu bertujuan hendak menyelesaikannya. Jelasnya, cadangan untuk berkahwin dengan anak-anak yatim perempuan tidaklah merupakan satu jalan keluar yang sempurna bagi wali-wali yang berasa sukar dan serba salah untuk bercampur gaul dengan mereka. Harus orang yang menjadi wali (penguasa) itu tidak berkeinginan untuk berkahwin dengan seorang anak yatim perempuan tidak sesuai berkahwin dengannya kerana ssesuatu sebab, dan harus juga ada di dalam pemeliharaannya anak-anak yatim perempuan yang tidak harus disatukan sesama sendiri (sebagai isteri-isterinya, kerana mereka adik beradik, misalnya – P.), dan harus juga ada di dalam pemeliharaannya lebih daripada empat orang anak-anak yatim perempuan. Kalau perkahwinan dengan anak yatim menjadi satu jalan keluar dalam satu kejadian, maka ia tidak dapat menjadi jalan keluar dalam beribu-ribu kejadian. Tidak patut bagi seorang yang berakal – apabila bagi Allah ‘*Azza wa Jalla* – untuk mengadakan satu jalan keluar seperti ini untuk kesukaran yang telah ditakuti oleh wali-wali (penguasa) yang memelihara anak-anak yatim perempuan yang tersebut. Tetapi jalan keluar yang *ma ‘qūl*, ialah yang menetapkan bahawa tidak menjadi kesalahan bagi wali bercampur gaul dengan seorang anak yatim perempuan yang dipeliharanya untuk mengetahui akan hal ehwalnya dan urusannya dan dapat pula berlaku adil kepadanya, dengan syarat hendaklah

percampuran ini sempurna dilakukan dengan cara yang sopan dan hormat, dan di dalam keadaan yang jauh daripada sangkaan-sangkaan buruk dan fitnah. Dan hendaklah ia menjauhkan diri daripada berkhawat dengannya kecuali dalam masa hadir bersama seorang yang ketiga dari keluarga yang menjadi mahramnya. Demikian juga hendaklah ia menundukkan pandangannya ketika bercakap dengannya, sebagaimana anak yatim perempuan itu juga hendaklah ia menundukkan pandangannya dan menutup seluruh badannya kecuali mukanya dan kedua tapak tangannya, iaitu diharuskan baginya membukanya kerana darurat jika tidak ditakuti fitnah (menggoda hati lelaki yang memandangnya). Kalau ditakuti fitnah maka pada ketika wajib menutupnya (muka dan tapak tangan) seperti anggota badan yang lain. Cara inilah, dan cara-cara yang lain sepertinya, ialah sesuai menjadi jalan keluar yang sempurna untuk kesukaran yang dikatakan oleh mereka.

-bersambung

‘Āisyah

al-Şiddīqah bint al-Şiddīq

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Dua penggal tamat. Sepenggal \$1.00

Belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura